

28/09/2000

Kepelbagaian kaum satu kelebihan: PM

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Kepelbagaian budaya dan kaum di negara ini dapat membantu penggiat seni tempatan mengembangkan karya pada peringkat antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, lukisan yang mempunyai karektor suku kaum itu juga boleh menjadi asas kepada pelukis tempatan untuk menempah nama setanding pelukis terkenal dunia.

"Saya percaya pelukis Malaysia mampu menghasilkan ciptaan yang mencantumkan budaya dan rakyat berbilang kaum untuk menjadikan ia sebagai identiti negara.

"Usaha ke arah itu mempunyai asas yang kukuh kerana sudah ada ramai pelukis tempatan yang menempah nama di peringkat antarabangsa," katanya merasmikan bangunan Balai Seni Lukis Negara, di sini malam ini.

Balai seni lukis yang mempunyai ruang pameran seluas 15,686 meter persegi itu dilengkapi lima galeri pameran, makmal seni, ruang penyimpanan khazanah seni lukis, auditorium, studio fotografi dan ruang aktiviti bagi kelab seni kanak-kanak.

Turut hadir Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Tan Sri Kamarul Ariffin.

Perdana Menteri selepas itu meluangkan masa kira-kira sejam untuk menyaksikan pameran Rupa Malaysia meninjau seni lukis moden Malaysia yang mempamerkan hasil 12 pelukis Asean dan negara.

Dr Mahathir berkata, penggiat seni tempatan juga boleh mencapai taraf antarabangsa jika berusaha bersungguh-sungguh tanpa mudah menyerah kalah.

"Sesuatu dibuat berulang-kali akan menghasilkan mutu yang lebih baik. Pada mulanya karya tempatan tidak begitu menarik tetapi kerana minat yang berterusan, kita dapati hasil kita sudah diterima dan diminati dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin mutu seni tempatan akan meningkat dari semasa ke semasa untuk membolehkan hasil karya tempatan terkenal pada peringkat dunia.

(END)